

10/05/2002

Kesepakatan bukan perkara baru: Hadi

KUALA LUMPUR, Khamis - Kesepakatan di antara Pas dan Umno bukan sesuatu perkara yang baru kerana kedua-dua pihak pernah bersependapat dalam beberapa isu sebelum ini, kata Timbalan Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

"Sebelum ini kita pernah sependapat berkenaan beberapa isu seperti isu Bosnia," katanya pada sidang akhbar bersama Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas majlis Syarahan Perdana mengenai Palestin dan Kemanusiaan di sini tengah malam tadi.

Menteri Besar Terengganu itu berkata, ia pernah berlaku dan tidak akan berakhir dengan majlis malam tadi saja.

Katanya, kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor adalah untuk merungkaikan permasalahan Palestin yang menjadi isu sejagat berikutan kezaliman Israel.

Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar ketika dihubungi hari ini pula berkata pertemuan pemimpin Umno dan Pas pada majlis itu malam tadi, bukan satu proses "gencatan senjata" kepada parti pembangkang itu.

Beliau berkata pertemuan itu adalah semata-mata bagi perbincangan perpaduan ummah sejagat dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang ditindas.

"Seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri pada majlis itu bahawa dalam banyak hal kita (Umno dan Pas) masih berbeza, cuma kita bersama mengenai isu Palestin. Jangan ada yang menganggap pertemuan ini sebagai gencatan senjata.

"Dalam politik negara, kita masih berbeza pendapat tetapi persamaan cuma isu yang menyentuh kepentingan bersama...soal kemanusiaan soal Palestin. Isu lain kita tetap berbeza pendapat," katanya.

Lebih 3,000 orang hadir pada majlis syarahan itu bagi mendengar ucapan Dr Mahathir dan Fadzil Noor yang buat kali pertama duduk di atas pentas bersama - demi mendokong perjuangan rakyat Palestin.

Ditanya sama ada kejayaan pertemuan itu akan merintis jalan yang lebih mudah untuk perbincangan perpaduan Melayu selepas ini, Mahfuz berkata Pas bersedia jika Umno sanggup memenuhi syarat seperti yang dimintanya.

Cadangan pertemuan Pas-Umno sebelum ini gagal apabila parti pembangkang itu meletakkan prasyarat iaitu pembayaran semula royalti minyak kepada Kerajaan Terengganu, kebenaran bagi lidah rasmi Pas, Harakah, diterbitkan dua kali seminggu, dan larangan penggunaan perkataan Islam.

Kepada soalan mengapa Pas dan Umno tidak boleh terus berbincang mengenai perpaduan umat Islam di dalam negara sedangkan dua parti itu mahukan umat sejagat bersatu dalam isu Palestin, beliau berkata:

"Kita dokong perpaduan dalam Malaysia tetapi kita jangan lihat daripada perspektif lain. Umno akan kata bila orang tak sokong dia, maka itu dikatakan berpecah belah," katanya.

(END)